

## Program Back2School 2021 Bantu 370 Petugas Kumpulan KPF

KPF memberi sumbangan tunai sebanyak RM211,200.00 kepada 370 petugas yang mempunyai 692 tanggungan anak bersekolah melalui Program Back2School 2021.

Program ini bertujuan untuk membantu petugas B40 yang sangat terkesan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bantuan ini diharapkan dapat meringgankan beban petugas Kumpulan KPF terutamanya sebahagian petugas yang sedang menjalani cuti tanpa gaji berikutan pengecilan operasi oleh Felda D'Saji dan Hotel Tenera.

**“Sumbangan ini adalah bukti keprihatinan Lembaga dan Pengurusan terhadap kebajikan petugas dan berharap program sebegini diteruskan di masa akan datang”.**

**Y.H Dato' Amir Hamdan Yusof**  
Semasa Majlis Penyerahan Bantuan Back2School 2021.



### MINDA PENGERUSI KPF

**“Dalam apa juar kehidupan kita, berlaku adil dalam semua urusan dan berlaku adil kepada diri sendiri adalah kunci kejayaan dalam hidup”**

Y.H Dato' Amir Hamdan Yusof semasa program penyerahan sumbangan Back2School 2021 kepada Pengurusan Felda D'saji & Hotel Tenera.

### HUBUNGI KAMI

#### UMUM

 kpfadmin@felda.net.my  
 03-2694 2095

#### KEANGGOTAAN

 kpfanggota@felda.net.my  
 03-2604 0212  
 013-266 6348 (WhatsApp)

#### PEMBIAYAAN

 pembiayaankpf@felda.net.my  
 03-2693 6648

#### AR-RAHN

 arrahn-hq@kpf.my  
 03-2692 6995



## Sungai Buloh, Cawangan Ar Rahn KPF

## Ke-35

Pembukaan cawangan Ar Rahn Sungai Buloh di Selangor menjadikan jumlah keseluruhan cawangan Ar Rahn milik KPF sebanyak 35 buah di seluruh Malaysia.

Pengarah Eksekutif Kanan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif KPF, Puan Sakinah Salleh, berkata KPF merancang untuk menambah 10 buah cawangan baharu pada tahun 2021.



Puan Sakinah Salleh, Pengarah Eksekutif Kanan Kumpulan/ Ketua Pegawai Eksekutif

KPF akan membuka tiga cawangan baharu dalam masa yang terdekat di Changlun dan Kepala Batas di Kedah dan Bukit Mertajam di Pulau Pinang.

Antara perkhidmatan yang turut ditawarkan adalah mencuci barang kemas dan menyimpan barang emas. Ar Rahn KPF juga merancang untuk memperkenalkan urus niaga emas.

**"Ar Rahn KPF semakin mendapat perhatian umum dan menjadi pilihan ramai kerana penawaran upah simpan yang lebih rendah berbanding skim konvensional. Sejak beroperasi pada tahun 2013, Ar Rahn KPF telah menyediakan pembiayaan melalui gadaian emas dengan lebih 305,454 transaksi yang berjumlah RM636.41 juta"**

Puan Sakinah Salleh

## KPF Niaga Ceburi Tanaman Cili Fertigasi

KPF Niaga menceburi perniagaan baharu dengan penanaman cili fertigasi melalui Program Pembangunan Peneroka (PPP).

**"Teknik fertigasi dipilih atas beberapa faktor iaitu penjimatan masa, penggunaan tanah yang minimum dan boleh menjimatkan penggunaan air antara 30 sehingga 50 peratus berbanding teknik tanaman tradisional. Hasil tuaian yang pertama berjumlah 1,343.56 kg dan menjana pendapatan hampir RM10 ribu"**

Encik Ishak Radzi

Ketua Eksekutif KPF Niaga, Encik Ishak Radzi berkata penanaman cili mempunyai potensi untuk berjaya kerana permintaan pasaran dan nilai komersial yang tinggi.

Seluas 14 ekar tanah dan 80 buah rumah pelindung hujan telah dibangunkan sebagai tapak tanaman di Felda Bukit Rokan, Negeri Sembilan.



Encik Ishak Radzi,  
Ketua Eksekutif KPF Niaga



Rumah Pelindung Hujan cili Fertigasi di Bukit Rokan



# Mangsa Kebakaran: KPF Bantu Anggota

Ketua Zon Timur KPF Trading, Encik Nasir Nahar mewakili KPF telah menyampaikan sumbangan wang tunai dan barang keperluan harian kepada anggota yang mengalami kebakaran rumah.

Peneroka Felda Jengka 8, Encik Saari Haji Ahmad, mengucapkan terima kasih atas komitmen KPF dalam memelihara kebajikan anggotanya.

Turut hadir semasa penyerahan sumbangan adalah Pengurus Rancangan, Ketua Kampung, Tuan Imam, Ketua Gerakan Persatuan Wanita (GPW) dan SDA.



Penyerahan sumbangan kepada mangsa kebakaran di pusat pemindahan sementara.

## RUANGAN LENSA



Pengerusi KPF, Y.H Dato' Amir Hamdan Yusof dan Pengarah Eksekutif Kanan Kumpulan, Puan Sakinah Salleh menyerahkan sumbangan banjir di Temerloh.



Program Beli & Infaq oleh KPF Trading di cawangan D'Mart Putrajaya.

Pengurus D'Mart Chini menyerahkan bakul makanan kepada kakitangan FGV Palm Industries Gugusan Chini.



Lembaga KPF, Encik Zaid Sidek semasa program Pasca Banjir 2021 di Kuantan

## Madah Berhikmah

*"Banyakkan memberi daripada menerima kerana orang yang memberi adalah orang yang kaya dan berjaya."*

*"Kehidupan adalah apa yang kita beri dan bukan apa yang kita dapat."*



إِنَّ اللَّهَ عَزُوفٌ عَنِ الْجَحَوْنِ

## SALAM TAKZIAH

ALLAHYARHAM  
**DATO' ZAINAL BIN HASSAN**

Anggota Lembaga  
Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad

yang telah kembali ke rahmatullah  
pada 22 Februari 2021 (Isnin)

Semoga rohnya dicucuri rahmat dan  
ditempatkan di kalangan mereka yang beriman.



## Pes Masakan Segera Terbaik Dari Chef Azrul

HOTEL  
**TENERA**  
“Enriching Every Stay..”



RM7.90

RM5.90

RM7.90

RM5.90



Dapatkan produk berkualiti di  
“**TENERA COMMERCE**”

- ✓ Dijamin Halal
- ✓ Produk Berkualiti
- ✓ Tiada Pewarna Tiruan
- ✓ Ramuan Semulajadi
- ✓ Resepi Tradisional
- ✓ Kegemaran Ibu Metua
- ✓ Citarasa Idaman Suami!



**HOTEL TENERA**

Tel: 03-8929 9600

Persiaran Kemajuan, Bandar Baru Bangi